



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	4/10/2019	MUKA SURAT	:	32
JABATAN	:	UMUM			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

# Sindiket jual tanah perdaya penduduk PR

*Jual tanah yang telah dihak milik di Sungai Chinchin*

NORAFIZA JAAFAR

GOMBAK

**L**ebih 10 Penduduk Tetap (PR) terkejut apabila mendapati mereka telah membeli tanah yang mempunyai pemilik di Sungai Chinchin di sini.

Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Datuk Dr Juhari Ahmad berkata, tanah berkeluasan 2.4 hektar itu diceroboh sindiket sebelum dijual antara RM30,000 hingga RM40,000 setiap lot tanpa pecah sempadan dan tukar status tanah.

"Pemilik asal hanya menyedari tanah mereka diceroboh sewaktu siasatan di peringkat Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Pejabat Tanah Daerah (PTD) Gombak dilakukan sebelum disyorkan membuat laporan polis untuk tindakan selanjutnya.

"Penjualan tanah haram itu menyebabkan pembeli menanggung ke-



Struktur rumah yang dirobohkan di Sungai Chinchin, Gombak semalam.

rugian selepas kira-kira 14 struktur yang dalam pembinaan dirobohkan menerusi operasi penguatkuasaan hari ini (semalam)," katanya selepas Operasi Perobohan Bersepadu Bagi Pemajuan Tanpa Kelulusan di Sungai Chinchin di sini semalam.

Menurutnya, seperti ada pihak yang sengaja mencabar penguat kuasa dengan mempengaruhi pembeli tanah untuk terus mendirikan struktur meskipun notis peringatan di-

keluarkan tiga bulan lalu.

"Penguatkuasaan yang dijalankan adalah di bawah salah guna tanah dan pembinaan bangunan tanpa kebenaran mengikut Akta 133 Akta Parit Jalan dan Bangunan, Undang-undang Kecil Bangunan, Akta 172, Akta Perancangan Bandar dan Akta Kanun Tanah Negara," katanya.

Jelasnya, penguatkuasaan dilakukan bagi mengelak pencerobohan tanah berterusan dan menjadi tidak terkawal.

"Pembinaan bangunan tanpa kebenaran ini menyebabkan sungai dikambus. Ia bukan hanya menyebabkan banjir kilat malah rumah yang dibina itu dikhuatiri tidak selamat," katanya.

Beliau turut menasihatkan pembeli tanah supaya lebih peka prosedur pembelian tanah bagi mengelak ditipu sindiket.

"Elakkan ditipu dengan membuat semakan status tanah di PTD Gombak dan kelulusan perancangan di MPS," katanya.